

20 NOV 1997

APEC BERMESYUARAT DI TENGAH-TENGAH KEADAAN EKONOMI YANG MURAM

Oleh: Salmy Hashim

VANCOUVER, 20 Nov (Bernama) -- Sidang kemuncak tahunan kelima forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), yang mana Kanada menjadi tuan rumah, bermula Rabu (waktu Kanada) diselubungi kemuraman ketika negara-negara Asia berhempas pulas dengan krisis ekonomi mereka.

Mesyuarat tahun ini, yang akan berakhir hingga 25 Nov, adalah amat berbeza dengan pandangan yang lebih optimis mengenai "Abad Asia" di Manila tahun lalu apabila anggota Apec dari Asia menikmati pertumbuhan ekonomi yang cergas. Dan sekarang, dengan ketidak tentuan yang mencengkam setengah dozen ekonomi Asia, cabaran pada sidang kemuncak tahun ini adalah lebih tinggi daripada sebelumnya.

Dengan kegawatan ekonomi yang membayangi Asia, sesetengah penganalisis sedang memikikan sama ada matlamat sukarela Apec menghapauskan tarif di sekitar menjelang tahun 2010 bagi negara-negara maju dan menjelang 2020 bagi negara-negara sedang membangun akan kekal atau terurai.

Pembangkit-pembangkit liberalisasi perdagangan dan pelaburan di rantau ini mungkin memenangi alasan mereka di tengah-tengah krisis itu, yang telah melihat matawang-matawang jatuh dan keruntuhan pasaran saham, yang melanda seperti puting beliong di seluruh Asia Tenggara dan Hong Kong menjadikan "harimau-harimau" Asia tanpa kuku dan lemah.

Di sebalik tumpuan biasa ke atas pengurangan halangan perdagangan, mesyuarat itu dijangka membincangkan dengan serius masalah spekulasi mata wang yang tidak terkawal yang telah menjadikan negara-negara di Asia Tenggara sekurang-kurangnya 20 peratus lebih miskin.

Satu jentera pengawasan bagi negara-negara Asia dalam krisis yang digelar "Tabung Kewangan Asia", seolah-olah sama dengan Tabung Kewangan Antarabangsa, berkemungkinan dibentangkan pada mesyuarat itu.

Mesyuarat tahunan itu telah dibuka dengan Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan (SOM) di bandaraya Kanada ini, di mana mereka akan menyediakan asas bagi menteri-menteri perdagangna dan luar menyelesaikan urusan muktamad hujung minggu ini.

Mesyuarat tujuh hari itu akan berakhir dengan kemuncak 18 pemimpin hari Isnin dan Selasa depan di Muzium Antropologi University of British Columbia di mana mereka akan membincangkan masa depan ekonomi rantau ini.

Para pemimpin itu termasuk Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Presiden AS Bill Clinton, Perdana Menteri Kanada Jean Chretien, Perdana Menteri Jepun Ryutaro Hashimoto, Presiden China Jiang Zemin dan Presiden Indonesian Suharto.

Malaysia telah menyatakan bahawa ia akan membentangkan isu perundangan di luar wilayah seperti yang diperkenalkan oleh AS, antaranya Akta Sekatan Iran-Libya di mana syarikat-syarikat asing yang berniaga dengan apa yang dipanggil negara pengganas akan menghadapi sekatan.

AS kini sedang menyiasat Total dari Perancis, Gazprom dari Russia dan Petronas dari Malaysia kerana perjanjian nianga AS\$2 bilion mereka untuk membangunkan industri gas Iran. Sebuah syarikat Kanada dan sebuah syarikat Indonesia juga sedang disiasat oleh AS kerana kontrak minyak dan gas mereka dengan Iran.

Mesyuarat Vancouver itu juga berkemungkinan membincangkan persidangan kehangatan global bulan depan di Kyoto, Jepun, ketika para pemimpin itu menilai komitmen satu sama lain kepada matlamat mewajibkan mengurangkan pelepasan gas rumah hijau.

Anggota-anggota Apec sekarang ialah Malaysia, Australia, Brunei,

Kanada, Chile, Hong Kong, China, Jepun, Indonesia, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Filipina, Singapura, Korea Selatan, Taiwan, Thailand dan Amerika Syarikat.

Kira-kira 5,000 wakil dari 18 ekonomi itu yang merupakan 40 peratus daripada penduduk dunia dan separuh pengeluaran ekonominya dijangka hadir.

-- BERNAMA

SH OS